

NOTIS PRIVASI DAN DATA PERIBADI

– GAKKEN EDUCATION MALAYSIA SDN. BHD–

GAKKEN EDUCATION MALAYSIA SDN BHD sedar terhadap kepentingan untuk melindungi data peribadi anda.

Dokumen ini mempunyai polisi perlindungan data peribadi dari GAKKEN EDUCATION MALAYSIA untuk menguruskan data peribadi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi dan perundangan subsidiari dan garis panduan yang berkaitan (secara kolektif “Akta tersebut” atau “PDPA”). Sila ambil sedikit masa untuk membaca polisi ini untuk memahami tujuan kami untuk mengumpul, mengguna dan/atau menzahirkan data peribadi anda.

1. Mengenali kepatuhan undang-undang dan peraturan.

1.1 GAKKEN EDUCATION MALAYSIA menghormati dan mengakui keperluan untuk mengendalikan data peribadi dengan cara yang sesuai dan sah dari segi undang-undang, dan komited untuk mematuhi obligasi-obligasinya berkenaan dengan semua data peribadi yang dikendalikan.

1.2 GAKKEN EDUCATION MALAYSIA mungkin akan meminda sebahagian atau seluruh kandungan polisi ini dari masa ke semasa supaya polisi tersebut adalah selaras dengan keperluan undang-undang dan perundangan, dan juga dengan perundangan dan dokumen-dokumen konstitusi syarikat GAKKEN EDUCATION MALAYSIA. Jesteru demikian, kami memohon supaya anda menyemak semula polisi ini mengenai pengendalian data peribadi anda.

1.3 Jika ianya disangkakan bahawa polisi ini tidak mengikuti PDPA mengenai data peribadi anda atau orang lain, anda patut menunjukan perkara ini kepada Pegawai Pelindungan Data (“Data Protection Officer”) kami secepat mungkin

1.4 Mengenai pengutipan, penggunaan dan/atau penzahiran (“collection, usage and/or disclosure”) data peribadi anda.

Secara amnya, kami mengutip data peribadi anda melalui beberapa cara, termasuk tetapi tidak terhad kepada situasi yang berikut:

1.4.1. Apabila anda berhubung dengan kami, melalui saluran hubungan pilihan anda;

1.4.2. Apabila kami dipohon untuk berhubung dengan anda;

1.4.3. Apabila anda mendaftar untuk perkhidmatan kami, secara talian (“online”) ataupun melalui saluran lain;

1.4.4. Apabila anda dan/atau pihak ketiga di bawah perlindungan anda menggunakan perkhidmatan kami; dan

1.4.5. Apabila anda melayari laman web di bawah kawalan kami.

1.5 Data peribadi yang dikutip secara langsung oleh GAKKEN EDUCATION MALAYSIA mungkin

mengandungi sebahagian ataupun semua yang berikut:

- 1.5.1. Nama;
- 1.5.2. Nombor kad pengenalan (berdasarkan undang-undang yang berkenaan);
- 1.5.3. Tarikh lahir;
- 1.5.4. Jantina ;
- 1.5.5. Maklumat hubungan seperti e-mel dan nombor telefon;
- 1.5.6. Maklumat geografi termasuk alamat dan poskod;
- 1.5.7. Tandatangan;
- 1.5.8. Gambar foto, rakaman audio/video dan imej digital.

Biarpun sebegitu, GAKKEN EDUCATION MALAYSIA tidak akan mengutip nombor kad pengenalan atau nombor pengenalan nasionaliti anda kecuali apabila pengutipan tersebut adalah sah dari segi Akta tersebut ataupun apa-apa undang-undang atau peraturan yang berkenaan.

- 1.6 GAKKEN EDUCATION MALAYSIA akan mengutip, mengguna dan/atau menzahirkan data peribadi anda berdasarkan maksud-maksud berikut:
 - 1.6.1. Untuk berhubung dengan anda mengenai kelas-kelas;
 - 1.6.2. Untuk penyediaan kelas-kelas yang berkaitan;
 - 1.6.3. Untuk menjemput anda untuk persidangan ibu bapa dan guru, kelas-kelas dan acara-acara lain dan juga untuk mengesahkan kedatangan anda;
 - 1.6.4. Untuk hubungan administratif seperti bayaran yuran, peperiksaan, buku-buku, bas-bas, dan sebagainya
 - 1.6.5. Untuk pengurusan dan operasi akses pelajar kepada sistem dan juga sistem emel ibu bapa;
 - 1.6.6. Untuk pimpinan kerjaya berkenaan dengan ujian-ujian, pemprosesan keputusan ujian; kemasukan; dll
 - 1.6.7. Untuk mengakui pelajar-pelajar yang telah mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan dengan memaparkan maklumat mereka melalui papan kenyataan kampus, melalui surat berita keluarga, dan surat berita pelajar tempatan
 - 1.6.8. Untuk memaparkan gambar foto di surat berita GAKKEN EDUCATION MALAYSIA's dan memaklumkan keadaan-keadaan di sekolah; dan
 - 1.6.9. Untuk kegunaan dalaman, seperti audit dalaman, penambahbaik bisnes GAKKEN EDUCATION MALAYSIA, dll
- 1.7 Data peribadi anda akan disimpan oleh GAKKEN EDUCATION MALAYSIA sepanjang jangka masa di mana ianya diperlukan untuk memenuhi maksud-maksud yang dinyatakan diatas ataupun untuk memenuhi apa-apa keperluan dari segi undang-undang, kawal selia atau perakaunan. GAKKEN EDUCATION MALAYSIA akan memastikan semua langkah-langkah yang munasabah akan diambil supaya semua data peribadi yang disimpan akan dimusnahkan atau dipadam untuk selama-lamanya jika ianya tidak diperlukan untuk pemprosesan maksud-maksud yang dinyatakan.
- 1.8 GAKKEN EDUCATION MALAYSIA akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk melindungi data peribadi anda daripada pengutipan, penggunaan dan/atau penzahiran yang tidak

dibenarkan.

- 1.9 Kecuali ianya tertakluk kepada apa-apa undang-undang atau peraturan, data peribadi anda mungkin akan diguna dan/atau dizahirkan oleh pihak-pihak di bawah (berdasarkan senarai maksud-maksud di atas):
- 1.9.1. Kakitangan GAKKEN EDUCATION MALAYSIA;
 - 1.9.2. Waseda Singapore Pte. Ltd.
 - 1.9.3. Gakken Holdings Co., Ltd (syarikat induk GAKKEN EDUCATION MALAYSIA di Jepun)
 - 1.9.4. Agen, kontraktor dan pihak ketiga yang memberi perkhidmatan mereka kepada kami;
 - 1.9.5. Penasihat professional seperti juriaudit atau peguamcara;
 - 1.9.6. Pegawai kerajaan, pihak badan berkanun, atau penguatkuasa undang-undang untuk mematuhi mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan, peraturan atau skim yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan; dan
 - 1.9.7. Mana-mana pihak di mana anda telah membenarkan untuk dizahirkan data peribadi kepadanya.
- 1.10 Supaya perkhidmatan yang terbaik boleh diberikan kepada anda, GAKKEN EDUCATION MALAYSIA mungkin akan melantik pengantara data (“data intermediary”) untuk memproses and mengendalikan data peribadi anda untuk pihak kami. Dalam keadaan ini, kami hanya akan melantik firma-firma pengendalian data peribadi yang diiktiraf dan hanya akan memasuki hubungan kontrak dengan pengantara data di mana terdapatnya syarat-syarat untuk pengantara data tersebut untuk menanggung tanggungjawab dan obligasi supaya Akta tersebut dipatuhi. Sila ambil maklum bahawa pengantara yang dilantik mungkin adalah di luar negara.
- 2. Mengenai persetujuan (“consent”) untuk pengutipan, penggunaan dan penzahiran data peribadi.**
- 2.1 Apabila anda menyerahkan data peribadi anda kepada GAKKEN EDUCATION MALAYSIA, dengan secara langsung anda telah memberikan persetujuan anda terhadap pengutipan, penggunaan dan/atau penzahiran data peribadi anda untuk sebahagian ataupun semua maksud-maksud yang tertera diatas.
- 2.2 Sekiranya pada bila-bila masa kami mengutip, mengguna atau menzahirkan data peribadi anda melalui cara yang berbeza daripada apa yang terdapat dalam maksud-maksud di atas, kami akan memohon untuk persetujuan anda untuk maksud-maksud tambahan secara tulisan, di mana anda berhak untuk menolak permohonan itu.
- 2.3 Sekiranya anda menyerahkan kami dengan data peribadi pihak ketiga (contoh: isteri atau suami, anak-anak, ibubapa ataupun saudara mara) anda mengakui kepada kami bahawa anda telah mendapat persetujuan pihak ketiga tersebut demi pemprosesan data peribadi mereka oleh kami untuk maksud-maksud yang berkenaan.

- 2.4 Anda berhak untuk menarik balik mana-mana persetujuan mengenai pengutipan, penggunaan atau penzahiran data peribadi anda melalui permohonan secara bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data kami.
- 2.5 Sekiranya anda menarik balik persetujuan anda dari GAKKEN EDUCATION MALAYSIA berkenaan dengan maksud-maksud di atas, GAKKEN EDUCATION MALAYSIA akan menghentikan pengutipan, penggunaan dan/atau penzahiran data peribadi anda dalam jangka masa 30 hari selepas penerimaan permohonan tarik balik. Sila ambil perhatian bahawa apabila persetujuan anda telah ditarik balik, ini boleh menyebabkan kesusahan kepada kami untuk melaksanakan maksud-maksud yang dinyatakan. Oleh itu, pihak kami mungkin terpaksa menghentikan perkhidmatan kami kepada anda.
- 3. Mengenai pengendalian data peribadi dan langkah-langkah sekuriti.**
- GAKKEN EDUCATION MALAYSIA akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk melindungi data peribadi anda dari akses, pengubahsuaian, pengutipan, penggunaan, atau penzahiran yang tidak dibenarkan, kemusnahan yang haram atau kerugian yang tidak sengaja. Namun demikian, tidak adanya mana-mana saluran perhubungan melalui internet atau penyimpanan elektronik di mana ianya 100% kebal. Walaupun sekuriti tidak boleh dijamin, kami akan dengan sedaya upayanya melindungi data peribadi anda dan kami akan sentiasa memperbaiki langkah-langkah sekuriti kami.
- 4. Mengenai akses, pembedahan dan ketepatan data peribadi.**
- 4.1 Anda berhak untuk memohon salinan data peribadi anda daripada GAKKEN EDUCATION MALAYSIA atau memohon supaya data peribadi anda dikemas kini ataupun dibetulkan, melalui satu permohonan bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data kami. Sila ambil maklum bahawa kami berhak untuk mengenakan caj untuk kos-kos yang berkaitan kepada permohonan akses data peribadi tersebut untuk masa dan usaha kami, dan kami akan memaklumkan anda mengenai jumlah caj tersebut.
- 4.2 Setelah menerima permohonan anda, GAKKEN EDUCATION MALAYSIA dalam jangka masa 30 hari akan:
- 4.2.1. Membekalkan anda dengan satu salinan data peribadi anda yang disimpan oleh kami dan/atau maklumat yang berkaitan berkenaan dengan Akta tersebut.
- 4.2.2. Membetulkan data peribadi anda secepat di mana ianya praktikal dan memaklumkan anda mengenai pembedahan tersebut; atau
- 4.2.3. Memaklumkan anda bahawa permohonan anda untuk akses atau pembedahan data peribadi telah ditolak, sekiranya permohonan itu telah memenuhi syarat-syarat Akta tersebut di mana akses atau pembedahan adalah diharamkan atau tidak diperlukan.
- 4.3 Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua data peribadi yang diserahkan adalah lengkap dan tepat. Kegagalan untuk membuat demikian boleh mengakibatkan pihak kami untuk dihalang daripada memberikan kepada anda maklumat atau perkhidmatan yang dipohon.

4.4 GAKKEN EDUCATION MALAYSIA akan melaksanakan dengan munasabahnyanya supaya data peribadi yang dikutip oleh atau untuk pihak GAKKEN EDUCATION MALAYSIA adalah tepat.

4.5 Sila ambil perhatian bahawa GAKKEN EDUCATION MALAYSIA mempunyai hak untuk menolak mana-mana permohonan jika akses adalah haram, ataupun keadaan di mana hak-hak pihak lain mungkin terjejas ataupun dikompromi. GAKKEN EDUCATION MALAYSIA juga berhak untuk menolak mana-mana permohonan sekiranya anda tidak membekalkan maklumat atau keterangan yang cukup untuk meneruskan permohonan tersebut.

5. Mengenai pemindahan (“transfer”) data peribadi ke luar Malaysia

Data peribadi yang dikutip oleh kami mungkin akan dipindah kepada destinasi lain yang di luar negara Malaysia. GAKKEN EDUCATION MALAYSIA akan berusaha untuk memastikan bahawa pemindahan tersebut akan mengikuti keperluan PDPA sedekat mungkin. Meskipun begitu, sila ambil perhatian bahawa destinasi lain ini mungkin tidak akan memberikan perlindungan data sepertimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang di Malaysia.

6. Mengenai penetapan dan kenaikan taraf yang berterusan system pengendalian data peribadi.

Demi tujuan untuk mengedalikan data peribadi dengan sewajarnya, GAKKEN EDUCATION MALAYSIA akan terus berusaha ke arah kenaikan taraf sistem pengendalian data kami dan peraturan dalaman syarikat.

7. Maklumat hubungan

Sekiranya anda mempunyai apa-apa aduan atau memerlukan maklumat mengenai cara kami mengendalikan data peribadi anda, sila menghubungi Pegawai Pelindungan Data kami melalui:

Telefon : +60-014-2802963

Emel : saito@waseaca.com.sg

Nama pegawai : Encik Keisuke Saito